



BAB 1

Wilayah Konurbasi
Nasional (WKN)

1

WILAYAH KONURBASI NASIONAL (WKN)

1.1 Apa itu WKN?

Wilayah Konurbasi Nasional (WKN) merupakan kawasan tumpuan pembangunan spatial dan ekonomi utama di Malaysia. WKN terletak di bahagian tengah barat Malaysia. Ia meliputi 3.3% daripada keluasan Semenanjung Malaysia dengan keluasan 433,872 hektar yang terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan sebahagian daripada Negeri Selangor.

WKN merupakan wilayah yang kukuh serta dinamik di mana ia menampung bilangan penduduk yang tinggi iaitu 7,206 juta orang penduduk pada tahun 2015. Wilayah ini juga merupakan kawasan yang mempunyai kadar urbanisasi yang tinggi di Malaysia berbanding wilayah-wilayah yang lain iaitu 96% berbanding kadar urbanisasi di Malaysia secara keseluruhan iaitu 75% sahaja.



WKN adalah terdiri daripada 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

WKN terdiri daripada 40 buah bandar dan 17 buah sub bandar serta diperkaya dengan aset-aset semulajadi walaupun kadar kepesatan pembangunan yang agak tinggi. Justeru itu WKN merupakan wilayah yang dinamik dan kukuh di Malaysia.



1.2 Keperluan Kajian WKN

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

Keperluan utama kajian WKN adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 6A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] iaitu mensasarkan pembentukan Jawatankuasa Perancangan Wilayah. Tugas Jawatankuasa Perancangan Wilayah adalah memandu, merangka dan menyelaras perancangan wilayah yang komprehensif.

Rancangan Fizikal Negara Ke-3

Selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Ke-3 yang diketengahkan dalam bab Rangka Pengurusan Spatial Negara (PPS 1). Di dalam PPS 1 terkandung empat (4) kawasan pertumbuhan iaitu Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan, Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan.


Dasar Perbandaran Negara-2, 2025

Berpandukan kepada Dasar Perbandaran Negara Ke-2 yang menetapkan hierarki dan fungsi bandar-bandar. Terdapat 40 buah bandar di dalam kawasan Konurbasi Nasional yang mempunyai bilangan penduduk melebihi 10,000 orang setiap bandar.

Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030

Mengikut Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030, kawasan luar bandar adalah petempatan yang kurang daripada 10,000 orang penduduk. Hampir 350 buah petempatan di Wilayah Konurbasi Nasional merupakan kawasan luar bandar.

Sekyen 6A 'Majlis boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan menubuhkan jawatankuasa perancang wilayah yang terdiri daripada sesuatu kawasan yang terletak di dalam dua negeri atau lebih'.




Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

Terdapat enam (6) konurbasi yang telah dikenalpasti di dalam negara dan di antaranya adalah Konurbasi Nasional. Lingkungan kawasan Konurbasi Nasional di dalam RFN Ke-3 adalah Lembah Klang termasuk Kuala Langat, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.



Rancangan Fizikal Negara Ke-3

Peringkat WKN dalam Rancangan Pemajuan
 Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



1.3 Kronologi Pembangunan WKN

Menerajui sejarah pembangunan melebihi 200 tahun yang lalu, WKN telah menyaksikan pelbagai perkembangan secara fizikal mahupun ekonomi. Sejarah perkembangan ini bermula di kawasan persisiran pantai Klang di mana ia merupakan petempatan tertua di Malaysia sejak abad ke-14 lagi.



1857

Penerokaan perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur

Raja Abdullah bersama-sama 87 orang buruh Cina telah meneroka lokasi bijih timah di sekitar Sungai Klang sebelum mendarat di Ampang.

1880

Kuala Lumpur sebagai Ibu Negeri Selangor Kapitan Yap menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan penting di Selangor.

1952

Pembentukan Petaling Jaya

Diwujudkan sebagai sebuah bandar universiti dan bandar satelit bagi Kuala Lumpur.

Klang sebagai petempatan tertua di Malaysia

Sejarah Klang telah muncul lebih awal daripada Melaka. Klang mula diduduki sejak 2,000 tahun yang lalu.

Bandar Klang sebagai Pusat Pentadbiran di Selangor

Klang dipilih sebagai ibu kota Selangor sebelum ditukar kepada Kuala Lumpur.

Penubuhan Bandar Kajang

Kajang sebagai sebuah bandar moden membangun disebabkan ladang-ladang kopi yang dibuka di sekitar tahun 1890-an.

Kuala Lumpur diisytihar sebagai Bandar Raya

Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai bandar raya pada 1 Februari 1972.

Abad Ke-14




1875

1890



1972

Pada tahun 1857, penerokaan perlombongan di Kuala Lumpur merupakan faktor kepada perkembangan petempatan di Kuala Lumpur dan diikuti dengan pembukaan kawasan Petaling Jaya bagi menampung kepadatan penduduk di Kuala Lumpur. Pembangunan ini terus berkembang di Kajang, Ampang, Subang Jaya, Shah Alam, Sepang, pembukaan kawasan KLIA, Putrajaya dan Cyberjaya.



1974

Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan menjadi Wilayah Persekutuan pada tanggal 1 Februari 1974.

1978

Shah Alam sebagai Ibu Negeri Selangor
Shah Alam diisytiharkan sebagai ibu negeri bagi Selangor oleh Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj.

1997

Perasmian Cyberjaya sebagai Bandar Hab Multimedia Super Corridor (MSC)
Upacara perasmian Cyberjaya telah diadakan pada bulan Mei 1997 oleh Perdana Menteri.

2001

Putrajaya diisytihar sebagai Wilayah Persekutuan
Pada 1 Februari 2001, Putrajaya telah diisytihar sebagai Wilayah Persekutuan yang ketiga.

Subang Jaya

Pembangunan Subang Jaya - Bandar terancang komprehensif pertama oleh pemaju swasta.

1976

Laluan LRT Ampang & Komuter KL-Klang
KTM Komuter dilancarkan bermula dari Sentul hingga ke Pelabuhan Klang. Pembukaan LRT Ampang pada 1996 dengan 17 stesen

1995

KLIA
Pemindahan lapangan terbang antarabangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang terletak di Sepang.

1998



1.4 WKN Pada Masa Kini

Wilayah Konurbasi Nasional merupakan kawasan tumpuan penduduk dan kawasan perbandaran utama di Malaysia.

Rajah 1.1 : Profil Semasa WKN
Sumber: PLANMalaysia, 2016



KELUASAN :
433,872
hektar



3.3% daripada
keluasan Semenanjung
Malaysia

KAWASAN PENTADBIRAN :

2 Negeri **8** Daerah **11** PBT

Daerah	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
WP Kuala Lumpur	24,221	5.6
WP Putrajaya	4,931	1.1
Petaling	49,866	11.5
Klang	63,235	14.6
Kuala Langat	82,839	19.1
Gombak	62,819	14.5
Hulu Langat	84,061	19.4
Sepang	61,900	14.3
Jumlah	433,872	100.0

Sumber: PLANMalaysia, 2016

Pihak Berkuasa Tempatan	Hektar	Peratus (%)
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	24,221	5.6
Perbadanan Putrajaya	4,931	1.1
Majlis Bandaraya Shah Alam	29,030	6.7
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	9,721	2.2
Majlis Perbandaran Selayang	54,559	12.6
Majlis Perbandaran Klang	57,380	13.2
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	14,350	3.3
Majlis Perbandaran Subang Jaya	16,180	3.7
Majlis Perbandaran Kajang	78,761	18.2
Majlis Perbandaran Sepang	61,900	14.3
Majlis Daerah Kuala Langat	82,839	19.1
Jumlah	433,872	100.0

Sumber: PLANMalaysia, 2016



PENDUDUK :
Sumber: Jabatan Perangkaan, 2015

7,205.6 Juta
(Tahun 2015)
10,885.6 Juta (Tahun 2040)

29% daripada penduduk Semenanjung Malaysia

23% daripada penduduk Malaysia



4%
Warga Emas



52%
Dewasa




20%
Remaja




24%
Kanak-kanak

Sumber: Jabatan Perangkaan, 2015


KADAR URBANISASI



KDNK



TEPU BINA



Sumber: 1. Jabatan Perangkaan, 2015
2. PLANMalaysia. 2015



PETEMPATAN :

40 Bandar

17 Pekan



Lapangan Terbang (KLIA)

Ke-23 Tersibuk di dunia

Sumber: Airports Council International, 2017



Pelabuhan Klang

Ke-12 Tersibuk di dunia

Sumber: World Shipping Council, 2017

1.5 WKN Dalam Konteks Global

Wilayah Konurbasi Nasional merupakan kawasan tumpuan penduduk dan kawasan perbandaran utama di Malaysia.


Pembangunan ekonomi WKN di peringkat global dipengaruhi secara langsung oleh beberapa hubungan dan perjanjian kerjasama dengan wilayah serantau seperti ASEAN. Dalam konteks negara-negara ASEAN, dua perjanjian utama adalah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Pertubuhan Segitiga Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT-GT).

WKN perlu memperkukuhkan peranannya serta mengambil peluang pasaran bagi anggaran penduduk ASEAN berjumlah tiga billion orang dan penduduk IMT-GT sejumlah 54 juta orang pada masa hadapan.

Lapangan Terbang KLIA dan Pelabuhan Klang merupakan pintu masuk antarabangsa bagi negara-negara di ASEAN mahupun bagi negara-negara yang lain. Ini adalah selaras dengan RMK Ke-11 yang meletakkan kawasan WKN sebagai Pintu Gerbang Pilihan Logistik di ASEAN dan Asia. Penubuhan Komuniti Ekonomi Asean (AEC) seterusnya dijangka akan meningkatkan serta merangsang perkembangan industri logistik di WKN.

Selaras dengan penerimaan 'Sustainable Development Goals' (SDG), Kumpulan Bank Dunia (WBG) dan Kerajaan Malaysia telah bekerjasama secara aktif dalam program perkongsian pengetahuan melalui pelancaran rasmi 'WBG Knowledge and Research Hub' pada Mac 2016 di Kuala Lumpur.

Ini merupakan pemangkin bagi WKN untuk memainkan peranan lebih besar di peringkat antarabangsa dalam bidang pengetahuan, pendidikan dan penyelidikan. Institusi pendidikan tinggi dalam WKN dijangka akan terlibat dengan lebih langsung dalam konteks ini, seterusnya menjadikan WKN sebagai hub kecemerlangan serantau.



Unjuran kadar KDNK (2014-2050)

ASEAN -5	6.4%
Indonesia	6.7%
Malaysia	5.9%
Filipina	6.4%
Thailand	5.5%
Vietnam	7.5%

Unjuran kadar KDNK (2014-2050)

China	4.7%
India	7.5%


Unjuran kadar KDNK (2014-2050)

G7	2.0%
US	2.4%

1.6 WKN Dalam Konteks Nasional

Berdasarkan RFN Ke-3, Kawasan pertumbuhan telah dikenal pasti sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara dengan mewujudkan peluang pelaburan dan perdagangan. Kawasan Pertumbuhan terdiri daripada Wilayah Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan. WKN merupakan salah satu daripada Wilayah Konurbasi di Malaysia yang dikenali sebagai Wilayah Kukuh. Peranan WKN akan diperkukuhkan sebagai enjin utama dalam pembangunan negara.

Rajah 1.2 : Pelan Pembangunan Spatial RFN Ke-3
 Sumber: Fancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016



Rajah 1.3 : Definisi Wilayah Konurbasi Nasional di dalam RFN Ke-3
 Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016

- Konurbasi Nasional**
- Mengukuhkan dan mencerminkan peranan serta sumbangan kawasan terlibat sebagai penjana utama pembangunan di Malaysia
 - Merupakan kawasan yang mempunyai kepesatan penduduk paling tinggi
 - Merupakan zon ekonomi yang penting yang menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara
 - Mempunyai peranan dan pengaruh terpenting yang menyumbang kepada tahap daya saing negara di peringkat global

Wilayah Kukuh

Wilayah yang mempunyai kepentingan di dalam sistem ekonomi negara dan global

Koridor

'Highly Strategic Linking Corridor'

- Mempunyai aliran perkhidmatan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan pentadbiran

Pintu Masuk

- Pintu masuk antarabangsa laut;
- Pintu masuk antarabangsa darat; dan
- Pintu masuk antarabangsa udara

PETUNJUK:
 KAWASAN PERTUMBUHAN
 Konurbasi
 Zon Promosi Pembangunan
 Pusat Katalis
 Pusat Agropolitan

1.7 WKN dan Greater Kuala Lumpur

WKN merangkumi keseluruhan kawasan Greater Kuala Lumpur (GKL) dengan penambahan kawasan pentadbiran Kuala Langat. Dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) memfokuskan pada 12 bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Greater Kuala Lumpur adalah salah satu daripada bidang tersebut.

Sejajar dengan program ETP ini, WKN juga perlu turut bersama-sama dibangunkan terutamanya di dalam aspek ekonomi sebagai penjana ekonomi utama negara.

Sebagai pusat komersial penting dan ibu negara Malaysia, WKN merupakan komponen penting dalam mentransformasi Malaysia dan memacu pembangunan ekonomi dan fizikal negara.

Aspirasi WKN dalam konteks NKEA adalah untuk menjadi sebuah wilayah metropolis yang berjaya mencapai kedudukan dunia 20 terbaik dalam pembangunan ekonomi dan juga antara 20 terbaik sebagai bandar berdaya huni menjelang tahun 2020.

Rajah 1.4 : Sempadan WKN dan Greater Kuala Lumpur

Sumber : PLANMalaysia, 2015



PETUNJUK

- Sempadan Greater KL
- Sempadan WKN
- Sempadan Daerah

GREATER KL DAN LEMBAH KLANG 2016

64 Syarikat Multinasional (MNC) di Greater KL
Sasaran pada tahun 2020: 100

RM 8.9 Bilion Pelaburan Komited di Greater KL

51 km Jajaran 31 Stesen MRT Sungai Buloh ke Kajang

Sumber : 1. Laporan Prestasi Tahunan InvestKL, 2016
2. MRTCorp